

Ajar anak bahasa ibunda

46 19/10/2011 A5

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
nikjasni.ub@gmail.com

KOTA KINABALU: Ibu bapa diseru agar mendidik anak-anak mereka menggunakan bahasa ibunda sejak awal kanak-kanak bagi memastikan bahasa ibunda tidak pupus dan dapat diwariskan kepada generasi seterusnya.

Pada masa yang sama, badan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan kebudayaan pula harus lebih giat mempromosikan bahasa ibunda mereka melalui penerbitan bahan fonologi yang tepat selain aktif menggunakan bahasa ibunda.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata, kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak yang belajar membaca dalam bahasa ibunda mereka pada usia awal akan dapat mempelajari bahasa kebangsaan dengan lebih mudah.

Tambahnya, walaupun bahasa kebangsaan di negara masing-masing seperti bahasa Inggeris, Sepanyol dan Perancis agak berbeza dengan bahasa ibunda mereka, kanak-kanak terbabit masih boleh menyesuaikan diri untuk menggunakan bahasa kebangsaan.

"Keadaan ini berlaku kerana wujudnya pemahaman konsep dan kemahiran mengenal huruf membolehkan mereka membangun dengan lebih baik dalam bahasa ibunda.

"Kemahiran berbahasa dalam bahasa ibunda di kalangan kanak-kanak juga mempunyai perkaitan langsung dengan usaha membasmi kemiskinan," katanya ketika merasmikan Bengkel Antarabangsa Perisian FieldWorks, di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UMS, kelmarin.

Bengkel lima hari bermula kelmarin itu merupakan



MoU...Felix (duduk, kiri) dan McKaughan (duduk, kanan) menandatangani MoU kerjasama untuk merencanakan usaha penyelidikan bahasa ibunda di Sabah disaksikan (belakang, dari kiri) Ismail, Jacqueline dan Ahmad Tarmizi.

anjuran bersama Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS, SIL International Malaysia, Kursi Kadazandusun UMS dan Persatuan Penyelidik Kaedah Campuran (UMAR) UMS.

Ucapan Kamaruzaman disampaikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Felix Tongkul.

Tetamu kehormat adalah Prof Emeritus Dr Howard McKaughan, profesor pengasas linguistik, mantan dekan bahagian siswazah dan pengarah penyelidikan, mantan pemangku canselor dan naib canselor hal ehwal pelajar di University of Hawaii di at Manoa yang juga konsultan SIL International.

Turut hadir, Dekan PPIB, Prof Ismail Ali; Pemegang Kursi Kadazandusun, Prof Dr Jacqueline Pugh-Kitingan dan Presiden UMAR yang juga pengerusi bengkel, Prof Madya Dr Ahmad Tarmizi Abd Rahman.

Kamaruzaman berkata, penguasaan bahasa ibunda juga boleh menyumbang

kepada penguasaan pelbagai bahasa yang kemudian membawa kepada peluang yang lebih besar di peringkat pengajian tinggi.

Tambah Kamaruzaman, ketika ini terdapat beberapa komuniti seperti Kadazandusun, Iranun, Tobilung, Kimaragang dan Rungus telah mengambil langkah mewujudkan sekolah yang menggunakan bahasa ibunda mereka sebagai medium utama pembelajaran.

Mengenai bengkel kelmarin, Kamaruzaman berkata, program kali kedua itu di harap menyumbang kepada perkembangan kajian dalam bidang etnografi dan antropologi, linguistik, leksikologi (lexicology), etnomuzikologi (ethnomusicology), kesenian rakyat (folklore) dan bidang sains sosial lain di Asia Tenggara, terutamanya Sabah dan Sarawak.

Katanya, bengkel ini bukan sahaja memberi pendedahan tentang perisian FieldWorks

tetapi juga menjadi platform kepada pertukaran maklumat dan kepakaran antara peserta dari dalam dan luar Sabah.

"Peserta di harap mengaplikasikan perisian FieldWorks ini bagi membuat penyusunan kamus atau penyimpanan data etnografi dengan matlamat untuk mendokumentasikan warisan kebudayaan dan menghasilkan lebih banyak bahan bacaan dalam bahasa ibunda," katanya.

Sementara itu, jelasnya, SIL International mula melaksanakan kajian di Sabah sejak 25 tahun lalu menerusi memorandum persefahaman (MoU) dengan kerajaan negeri.

Selain hidup dalam masyarakat tempatan, penyelidik SIL International turut menerbitkan pelbagai hasil kajian mengenai bahasa tempatan yang turut ditulis dalam bahasa masyarakat Sabah yang boleh dibeli di Muzium Negeri Sabah, persatuan kebudayaan dan yayasan bahasa.